

20 JUN 2001

Umno-Kelab

ABDULLAH MAHU PELAJAR BERJAYA DALAM SEMUA BIDANG

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pelajar Melayu berjaya dalam pelbagai bidang termasuk sains selain menjadi seorang Muslim yang berjaya.

Beliau menyatakan harapan itu dalam pertemuannya dengan wakil Kelab Umno luar negara selepas merasmikan Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Pengerusi Pertubuhan Alumni Kelab-kelab Umno Luar Negara Datuk Noh Omar berkata Timbalan Perdana Menteri juga mengingatkan para pelajar berkenaan mengenai tanggungjawab mereka yang lebih berat pada masa depan.

"Pak Lah mengingatkan Melayu must be a good muslim, (mesti jadi umat Islam yang baik) bukan sahaja berjaya di akhirat tetapi juga dalam bidang sains, baru orang Melayu dipandang sebagai satu bangsa yang berjaya," katanya.

Sebanyak 18 wakil daripada 17 Kelab Umno luar negara menghadiri Perhimpunan Agung kali ini.

Wakil Kelab Umno United Kingdom dan Eire, Kamarul Rashdan Salleh dipilih mewakili Kelab-kelab Umno untuk membahaskan ucapan dasar Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Pada pertemuan itu, Abdullah turut menyentuh mengenai masalah pelajar di luar negara serta peranan Umno dalam memajukan orang Melayu sehingga pada kedudukan sekarang.

Noh yang juga Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri berkata alumni itu sedang giat mendaftar mereka yang pernah menyertai kelab berkenaan.

"Ramai daripada ahli bekas Kelab Umno setelah balik ke sini tidak lagi aktif menyertai politik setelah bekerja," katanya.

Katanya Kelab Umno yang ditubuhkan sebagai kelab pelajar, mempunyai kira-kira 5,000 orang anggota.

-- BERNAMA

RZS AZZ LAT